

**PKR sokong desakan siasatan semula SD kedua Bala  
Malaysian Insider  
April 9, 2013  
Oleh Boo Su-Lyn**

PETALING JAYA, 9 April — PKR menyokong desakan bekas ketua polis untuk membuka semula siasatan akuan bersumpah (SD) kedua P Balasubramaniam mengenai pembunuhan Altantuya Shaariibuu.

Bekas Ketua Polis Negara (KPN) Tan Sri Musa Hassan mengatakan semalam terdapat bukti yang mencukupi untuk menyiasat akuan bersumpah kedua penyiasat persendirian itu mengenai pembunuhan warga Mongolia pada 2006.

"Keadilan menyokong desakan untuk membuka semula penyiasatan terhadap.. SD2 P Balasubramaniam dengan bukti baru ini," kata Naib Presiden PKR Chua Tian Chang dalam sidang akhbar di ibu pejabat parti hari ini di sini.

Dan Americk yang mewakili Balasubramaniam - sebelum beliau meninggal dunia akibat serangan jantung akhir bulan lalu - mengakui peguam kanan Tan Sri Cecil Abraham mengakui mendraf akuan bersumpah kedua penyiasat peribadi itu untuk menafikan akuan bersumpah pertama yang dilakukan 24 jam sebelum itu.

Majlis Peguam telah mengatakan mereka akan membuat aduan terhadap tindakan tidak profesional Abraham Lembaga Disiplin Peguamcara dan Peguambela (ASDB).

Balasubramaniam atau PI Bala menuduh beberapa pemimpin tertinggi kerajaan terlibat dengan kematian Altantuya dalam SD pertamanya pada 2008, dua tahun selepas pembunuhan kejam wanita berusia 28 tahun itu.

Akan tetapi beliau menarik semula SD pertamanya sehari selepas itu dan menafikan semua yang dikatakannya, diaturkan oleh Deepak Jaikishan, ahli perniagaan yang mempunyai hubungan rapat dengan kerajaan.

Peniaga permaidani Deepak telah mengakui beliau telah mengaturkan Balasubramaniam untuk menafikan akuan bersumpah pertamanya.

Balasubramaniam meninggal dunia disebabkan oleh serangan jantung bulan lepas, seminggu selepas pulang dari luar negeri.

Mahkamah Tinggi telah mendapati dua pegawai polis tersebut bersalah, akan tetapi membebaskan Abdul Razak Baginda, yang mempunyai hubungan sulit dengan wanita Mongolia itu dan dituduh mengarahkan Ketua Inspektor Azilah Hadri dan bekas Koperal Sirul Azhar Umar.

Mahkamah akan mendengar rayuan dua anggota polis itu pada Jun.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pkr-sokong-desakan-siasatan-semula-sd-kedua-bala/>

